

## Meningkatkan Motivasi Belajar Menggunakan Token Ekonomi Dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Nurul Hidayah binti Ismail

Sekolah Kebangsaan Tangga Batu, Melaka  
*daiaisma@gmail.com*

### ABSTRAK

Token ekonomi merupakan salah satu teknik yang digunakan dalam meningkatkan motivasi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Pelaksanaan token ekonomi dijalankan bertujuan meningkatkan motivasi belajar murid masalah pembelajaran semasa mengikuti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Amalan ini dijalankan melibatkan 5 orang murid masalah pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Tangga Batu. Data dikumpulkan melalui pemerhatian dan temu bual sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Melalui amalan penggunaan token ekonomi ini telah dapat meningkatkan motivasi belajar murid dari segi daya tumpuan, keyakinan diri dan keseronokan belajar. Diharapkan amalan terbaik ini dapat membantu guru-guru Pendidikan Khas untuk meningkatkan motivasi belajar murid sekaligus berupaya meningkatkan kecemerlangan kepada murid. Keseluruhannya, motivasi belajar murid berkeperluan pendidikan khas semasa belajar dapat dipertingkatkan di dalam kelas dengan memilih teknik dan kaedah yang bersesuaian dengan murid.

**Kata kunci :** Token ekonomi, motivasi belajar, daya tumpuan, keyakinan diri, keseronokkan belajar

---

### Pengenalan Amalan Terbaik

Murid Bekeperluan Pendidikan Khas (MBPK) ertinya murid yang mengalami kesukaran belajar dan memerlukan bantuan khas, sokongan dan rangsangan seperti yang diperakukan oleh pengamal perubatan. MBPK pembelajaran dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu lewat perkembangan global, sindrom down, kurang upaya intelektual, autisme, *Attention Defisit Hyperactive Disorder* (ADHD) dan masalah pembelajaran spesifik seperti disleksia, diskalkulia dan disgraphia. MBPK pembelajaran merujuk kepada murid yang mempunyai pelbagai masalah pembelajaran khususnya dari segi membaca, menulis, mengira, sukar mempelajari kemahiran, lemah mengikut arahan dan memberi tumpuan (Zalizan, 2009). MBPK pembelajaran memerlukan pengubahsuaian kurikulum, kaedah mengajar khas mengikut keperluan murid dan modifikasi tingkah laku dalam membantu mengembangkan potensi mereka.

Motivasi merupakan salah satu elemen yang mendorong murid melibatkan diri dalam pembelajaran di dalam kelas. Motivasi berlaku apabila menerima galakkan secara semulajadi atau minat yang dipengaruhi oleh kuasa dinamis yang mempengaruhi pemikiran, emosi dan tingkah laku (Nurul Ain, 2012). Menurut Hamzah

(2013), motivasi belajar merupakan daya penggerak di dalam diri murid yang mewujudkan keinginan untuk belajar, menjamin kelangsungan dari kegiatan belajar dan menjadi panduan belajar sehingga mencapai matlamat yang diinginkan dalam pembelajaran. Murid yang mempunyai motivasi akan menjadikan mereka berusaha mencapai matlamat yang diinginkan. Siti Sukainah dan Melur (2014) menyatakan motivasi menjadi pendorong kepada murid melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan menjadikan pembelajaran sesuatu yang bermakna dan menyeronokkan. Motivasi belajar secara umumnya merupakan penggerak yang mendorong murid melibatkan diri secara aktif dan bersemangat mengikuti pembelajaran di dalam kelas.

Token ekonomi merupakan satu kaedah modifikasi yang digunakan dalam meningkatkan motivasi murid. Token ekonomi adalah objek atau simbol yang ditukarkan kepada barangan atau perkhidmatan. Token ekonomi digunakan untuk mengukuhkan tingkah laku atau meningkatkan kekerapan dengan cara membuat pertukaran setelah kanak-kanak dapat mencapai dan melaksanakan tugas yang diberikan (Miltenberg, 2008). Token ekonomi merupakan kaedah intervensi yang menggunakan teknik peneguhan positif. Dalam teori pengubahsuaian tingkah laku oleh Skinner, pengukuhan positif adalah lebih berkesan daripada hukuman semasa proses mengubah dan mengekalkan tingkah laku (Adibsereshki et al., 2015). Penggunaan token ekonomi juga lebih efektif bagi mengurangkan masalah tingkah laku murid berbanding bentuk hukuman (Fiksdal, 2015).

Pemberian token dalam pelbagai bentuk seperti pelekat diberikan kepada murid apabila menunjukkan tingkah laku yang diinginkan. Token-token yang diterima oleh murid adalah bernilai dan ditukarkan kepada sesuatu yang disukai oleh murid sebagai ganjaran. Sistem ganjaran memberi impak meningkatkan motivasi belajar dan pencapaian akademik murid dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Ihiegbulem, 2010). Token ekonomi juga meningkatkan daya konsentrasi murid di dalam kelas (Carnet et. al., 2014; Noor Azreena & Mohd Hanafi, 2018). Kajian dijalankan Yu (2018) menunjukkan token ekonomi membantu meningkatkan motivasi, pencapaian dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran di dalam bilik darjah.

## **Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik**

Kajian dijalankan di dalam kelas yang mempunyai murid dua kategori murid iaitu tiga murid kategori kurang upaya intelektual dan dua murid kategori autisme. Melalui pemerhatian pengkaji, murid di dalam kelas mempunyai kurang daya tumpuan, tiada keyakinan diri semasa menjawab soalan secara lisan dan bertulis dan kurang bersemangat mengikuti pembelajaran di dalam kelas. Pemerhatian pengkaji disokong oleh Zalizan (2009) yang menyatakan murid-murid masalah pembelajaran kerap mengalami masalah hilang daya tumpuan disebabkan tumpuan sering teralih dengan bunyi dan perkara-perkara di persekitaran mereka. Kelemahan murid dalam memberikan tumpuan di dalam kelas akan menyebabkan prestasi murid dalam pembelajaran menjadi lemah (Manisah & Norizza, 2016).

Dalam hal ini, guru memainkan peranan yang penting dalam mencari satu intervensi dalam meningkatkan motivasi belajar murid. Menurut (Chevalier, 2012) token ekonomi merupakan salah satu motivasi ekstrinsik untuk mencapai objektif pembelajaran dalam bilik darjah. Motivasi ekstrinsik adalah motivasi faktor luaran

yang datang dari segi insentif atau ganjaran. Motivasi merupakan faktor penggalak kepada murid dalam bilik darjah bagi penglibatan murid di dalam kelas dan kejayaan dalam pencapaian murid dalam pembelajaran. Token ekonomi dapat membantu murid-murid mencapai kejayaan dari segi pencapaian akademik, motivasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran (Leucha, 2011). Kajian Mirzamani, Ashoori dan Sereski (2011) mendapati tahap pencapaian akademik murid yang menggunakan token ekonomi sebagai kumpulan rawatan adalah lebih baik berbanding murid kumpulan kawalan yang tidak menggunakan token ekonomi.

Oleh itu, pengkaji telah memilih untuk melaksanakan token ekonomi dalam meningkatkan motivasi belajar murid di dalam kelas. Pemilihan penggunaan bentuk ganjaran sebagai peneguhan dalam intervensi token ekonomi berfokuskan kepada minat dan keterujaan murid untuk mendapatkannya.

### Objektif Pelaksanaan


Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini ialah:



1. Meningkatkan daya tumpuan murid semasa belajar.
2. Meningkatkan keyakinan diri murid semasa belajar.
3. Mewujudkan keseronokkan semasa belajar.

### Pelaksanaan Amalan Terbaik

Pengkaji menjalankan amalan terbaik bagi meningkatkan motivasi belajar murid menggunakan kaedah token ekonomi. Prosedur pelaksanaan token ekonomi ini diterangkan dalam bentuk jadual 1 di bawah.

Jadual 1  
*Pelaksanaan Token Ekonomi*

Penerangan	Huraian
Langkah 1 : Penyediaan kad ganjaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kad ganjaran disediakan dalam bentuk saiz A4 dan di <i>liminate</i>.</li> <li>- Setiap kad ganjaran diletakkan gambar murid dan nama.</li> <li>- Kad ganjaran di tampal di dinding bilik darjah.</li> <li>- Rajah 1 menunjukkan kad ganjaran.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Rajah 1</b>                      Kad ganjaran</p> 
Langkah 2 : Penyediaan token	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Token berbentuk pelekat muka senyum digunakan.</li> <li>- Pelekat muka senyum akan ditampal di atas bintang pada kad ganjaran.</li> <li>- Rajah 2 menunjukkan pelekat muka yang</li> </ul>

	<p>digunakan sebagai token.</p> <p style="text-align: center;"><b>Rajah 2</b> <i>Pelekat muka</i></p> 
<p>Langkah 3 : Penerangan kepada murid tentang token ekonomi dan syarat-syarat untuk memperoleh token.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru memberikan penerangan kepada murid tentang token ekonomi dengan menunjukkan kad ganjaran dan pelekat muka yang akan digunakan.</li> <li>- Penerangan guru tentang apa itu token ekonomi, syarat-syarat memperoleh token bentuk ganjaran dan penarikan ganjaran.</li> <li>- Murid-murid yang mendapat pelekat muka, akan menampal sendiri pelekat muka di atas kad ganjaran mereka.</li> <li>- Rajah 3 menunjukkan murid menampal pelekat muka pada kad ganjaran.</li> </ul> <p><b>Rajah 3</b> <i>Murid menampal pelekat muka</i></p>  <p>Syarat-syarat memperoleh token :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyiapkan tugas dengan betul dan kemas</li> <li>- Menunjukkan tingkah laku yang baik</li> <li>- Menjawab soalan yang ditanya guru</li> </ul>
<p>Tempoh masa</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berjalan sepanjang pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.</li> </ul>
<p>Pemberian ganjaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ganjaran diberikan mengikut minat murid.</li> <li>- Ganjaran diberikan kepada dua peringkat.</li> </ul>

	<p><b>Peringkat 1</b> Murid perlu berjaya mengumpul 10 pelekat muka dan diberikan hadiah berbentuk alat tulis.</p> <p><b>Peringkat 2</b> Murid perlu mengumpul 20 pelekat dan diberikan ganjaran berbentuk pensil warna dan buku mewarna.</p>
Penarikan ganjaran	Murid yang menunjukkan tingkah laku tidak baik akan didenda dengan menarik pelekat pada kad ganjaran.

### Prosedur Amalan Terbaik

Bagi amalan terbaik yang dijalankan, pengkaji menggunakan dua analisis data dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Bagi melihat objektif kajian bagi keberkesanan token ekonomi terhadap daya tumpuan, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian. Bagi melihat keyakinan dan keseronokkan murid semasa belajar menggunakan token ekonomi, pengkaji menggunakan kaedah temu bual.

### Pemerhatian

Melalui kaedah pemerhatian, guru menggunakan borang senarai semak pemerhatian dan mencatat interaksi murid semasa aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah dengan menjalankan sistem token ekonomi. Pemerhatian dijalankan semasa guru mengajar di dalam bilik darjah dan dijalankan sebanyak enam kali. Borang senarai semak disediakan dan pemerhatian dibahagikan kepada tiga aspek iaitu memberi tumpuan, menjawab soalan dan melaksanakan tugas. Ruangan akan ditandakan ✓ jika terdapat interaksi dan ruang "jumlah" dihitung untuk mencatat berapa murid yang memberikan interaksi semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

### Temu Bual

Temu bual merupakan kaedah pengutipan data melibatkan interaksi bersemuka antara pengkaji dengan orang yang ditemu bual. Pengkaji menggunakan temu bual dimana soalan ditanya secara terus kepada murid selepas proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Temu bual ini secara tidak langsung dapat meninjau maklum balas daripada murid tentang keberkesanan penggunaan token ekonomi dalam meningkatkan motivasi belajar murid. Melalui temu bual, pengkaji dapat meninjau maklum balas dan memperolehi maklumat terhadap keberkesanan token ekonomi kepada keseronokkan murid semasa belajar. Soalan temu bual kepada murid adalah seperti berikut :

1. Adakah anda suka mendapat token ekonomi semasa belajar di dalam kelas?
2. Apakah perasaan anda setelah menggunakan token ekonomi semasa belajar di kelas?
3. Adakah anda bersemangat belajar di dalam kelas?

## Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Analisis data dilakukan bagi menjawab objektif kajian iaitu (1) meningkatkan daya tumpuan murid (2) meningkatkan keyakinan diri murid semasa belajar (3) mewujudkan keseronokkan semasa belajar.

### Analisis Data Pemerhatian

Analisis data pemerhatian bagi melihat objektif yang pertama iaitu penggunaan token ekonomi dalam meningkatkan daya tumpuan murid. Hasil pemerhatian diperolehi selama enam kali pemerhatian di dalam bilik darjah semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Interpretasi data dibuat berdasarkan min yang diperolehi iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Skor min bagi Jadual 2 menunjukkan hasil pemerhatian yang diperolehi selama enam kali pemerhatian dijalankan.

Jadual 2  
*Hasil Pemerhatian Interaksi Murid*

Sesi	Perkara		
	Memberi tumpuan	Menjawab soalan	Melaksanakan tugas
Sesi 1	4	4	4
Sesi 2	4	4	5
Sesi 3	5	5	5
Sesi 4	5	5	5
Sesi 5	5	5	5
Sesi 6	5	5	5
Min	4.67	4.67	4.83

Nota : Min 1–2.33 = rendah, Min 2.34–3.66 = sederhana, Min 3.67–5.00 = tinggi

Hasil data pemerhatian menunjukkan bahawa item memberi tumpuan dan menjawab soalan mempunyai min yang sama iaitu 4.67 dan berada pada aras tinggi. Data ini menggambarkan murid memberi tumpuan di dalam kelas dan menjawab soalan di dalam kelas dengan amat baik. Item melaksanakan tugas pula menunjukkan nilai min paling tinggi antara item lain iaitu 4.83 dan data ini menunjukkan murid melaksanakan tugas semasa di dalam kelas. Kesimpulan dapatan ini menunjukkan penggunaan token ekonomi dapat meningkatkan daya tumpuan murid dalam bilik darjah.

### Analisis Data Temu Bual

Analisis data temu bual dijalankan bagi melihat objektif kedua dan ketiga iaitu penggunaan token ekonomi dalam meningkatkan keyakinan diri murid dan mewujudkan keseronokkan murid semasa belajar. Hasil temu bual dengan murid menunjukkan murid-murid suka mendapat token ekonomi semasa belajar di dalam kelas. Murid-murid juga menyatakan mereka bersemangat mengikuti pembelajaran di

dalam kelas. Secara keseluruhan, semua murid menunjukkan minat dan gembira mengikuti kelas sepanjang menggunakan token ekonomi. Apabila murid dihargai dengan pemberian ganjaran atas usaha yang mereka lakukan, motivasi diri murid akan meningkat dan membentuk keyakinan diri murid. Keratan transkrip temu bual berikut menunjukkan jawapan murid-murid sebaik soalan diajukan.

Soalan	Dapatan temu bual
<p>Soalan 1 Adakah anda suka mendapat token ekonomi semasa belajar di dalam kelas?</p>	<p>Murid 1, 3 <i>Saya suka bila dapat pelekat muka. Saya nak kumpul pelekat muka banyak-banyak.</i></p> <p>Murid 2 <i>Saya suka dapat pelekat muka dan saya nak mengumpul pelekat lebih banyak dari kawan saya.</i></p> <p>Murid 4, 5 <i>Saya suka.</i></p>
<p>Soalan 2 Apakah perasaan anda setelah menggunakan token ekonomi semasa belajar di kelas?</p>	<p>Murid 1, 2 <i>Saya gembira dan seronok sangat belajar sebab boleh dapat pelekat dan hadiah.</i></p> <p>Murid 3,4,5 <i>Saya seronok dapat pelekat.</i></p>
<p>Soalan 3 Adakah anda bersemangat belajar di dalam kelas?</p>	<p>Murid 1 <i>Saya semangat nak belajar dan saya nak jadi murid pandai.</i></p> <p>Murid 2 <i>Saya suka belajar.</i></p> <p>Murid 3,4,5 <i>Saya semangat belajar.</i></p>

## Rumusan dan Cadangan

Pengkaji mendapati pada permulaanya murid kurang memahami untuk mengumpul token, tetapi mereka lebih berusaha setelah melihat rakan lain dapat menukarkan token dikumpul dengan hadiah. Leucha (2011) menyatakan bahawa peneguhan dari segi bahan dapat mengawal tingkah laku kanak-kanak. Kajian yang dilakukan oleh Fiksdal (2014) menunjukkan token ekonomi adalah lebih baik dan berkesan dalam meningkatkan penglibatan murid di dalam kelas.

Berlaku peningkatan motivasi murid semasa belajar sepanjang menjalankan token ekonomi. Pemilihan penggunaan bentuk ganjaran sebagai peneguhan dalam intervensi token ekonomi yang mengikut minat murid telah dapat menarik minat murid dalam memberikan tumpuan di dalam kelas. Ganjaran yang diberikan dengan cara mengumpul token telah menjadi motivasi kepada murid untuk berusaha mendapatkannya dan secara tidak langsung membawa kepada tumpuan murid yang

lebih baik di dalam kelas. Dari sudut psikologi juga, pemberian ganjaran yang diberikan apabila setelah seseorang melakukan sesuatu akan meningkatkan emosi positif semasa melakukan sesuatu perkara. Selain itu, penggunaan sistem ganjaran dapat mengubah suasana pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi lebih baik.

Motivasi belajar murid dipertingkatkan dengan token ekonomi dan menjadikan murid berusaha dan bersemangat untuk mendapatkan token dengan lebih banyak untuk ditukarkan dengan hadiah. Pengkaji melihat pemberian token yang diberikan kepada murid, membuatkan murid rasa dihargai dan diiktiraf. Perkara ini telah dapat meningkatkan keyakinan diri murid di dalam kelas kerana murid merasa diri mereka dihargai. Hal ini disokong oleh Chevalier (2012) yang menyatakan kanak-kanak pada permulaannya perlu didorong dengan motivasi ekstrinsik.

Pembelajaran menggunakan token ekonomi telah mewujudkan iklim pembelajaran yang menyeronokkan dan meningkatkan keyakinan diri murid dengan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Murid-murid juga dilihat lebih aktif dan gembira apabila diberikan token sebagai ganjaran di dalam kelas. Slameto (2012) menyatakan bahawa minat anak kecil boleh berlaku dengan dua perkara iaitu memberikan perhatian kepada mereka dan pemberian insentif (hadiah).

Rumusannya, guru perlu memberi penghargaan kepada murid atas prestasi dan tingkah laku yang ditunjukkan bagi mendorong murid terus berusaha mencapai kejayaan. Penghargaan yang diberikan dapat membantu meningkatkan motivasi setiap murid dan membantu murid belajar dengan baik di dalam bilik darjah. Potensi seseorang murid dapat diperkembangan dengan pendidikan yang diterima dalam sistem persekolahan. Perkembangan potensi ini melalui pemerolehan pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai murni dan pembentukan sikap sepanjang proses pembelajaran. Semua kanak-kanak berhak mendapatkan pendidikan tanpa syarat walaupun berbeza perkembangan intelek, keupayaan dan latar belakang sosial.

## Rujukan

- Adibsereshki, N., Abkenar, S. J., Ashoori, M., & Mirzamani, M. (2015). The effectiveness of using reinforcements in the classroom on the academic achievement student with intellectual disabilities. *Journal of Intellectual Disabilities*, 19(1), 83-93.
- Carnett, A., Raulstun, T., Lang, R., Tostanoski, A., Lee, A., Sigafos, J. & Machalick, W. (2014). Effects of a perseverative interest-based token economy on challenging and on-task behavior in a child with autism. *Journal Of Behavioral Education*, 23(1), 368-377.
- Chevalier, N. T. (2012). *The token economy: Reducing the disruptive and off-task behavior*. City University of Seattle.
- Fiksdal, B. L. (2014). *A comparison of the effectiveness of a token economy system, a response cost condition, and a combination condition in reducing problem behaviors and increasing student academic engagement and performance in two first grade classrooms*. [Master's Thesis, Minnesota State University, Mankato]. Cornerstone: A Collection of Scholarly and Creative Works for Minnesota State



University, Mankato.

- Hamzah, B. U. (2013). *Teori motivasi dan pengukurannya analisis di bidang pendidikan*. Bumi Aksara.
- Ihiegbulem, O.T. dan Igwebuikwe, D. (2011). The effect of token economy on academic achievement of secondary school students: Implications for counselling. *International Conference on Teaching, Learning and Change*. 782-78.
- Leucha, T., & Sivabaedya, S. (2011). The effect of using token economy and social reinforcement to stimulate preschool students' vegetable and fruit consuming behavior. *Khon Kaen University Journal (Graduate Studies)*, 11(2), 123-130.
- Manisah, M. A., & Norizza, S. (2016). Intervensi meningkatkan tumpuan dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 4(1), 1-6.
- Miltenberger, R. (2008). *Behavior modification*. Wadsworth Publishing.
- Mirzamani, S. M., Ashoori M., & Sereshki, M. A. (2011). The effect of social and token economy reinforcement on academic achievement of students with intellectual disabilities. *Iranian J. Psychiatry*, 6(1), 20-24.
- Noor Azreena, A. A., & Mohd Hanafi, M. Y. (2018). Token economy to improve concentration among students with learning disabilities in primary school. *Journal Of ICSAR*, 2(1), 32-36.
- Nurul Ain, H., & Azizi, Y. (2012). Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibu bapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling, Volume 5 March 2012*, 30-57.
- Skinner, B. F. (1953). *Science and human behavior*. Collier Macmillan Limited.
- Slameto. (2012). *Belajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya*. Rineka Cipta, Jakarta.
- Siti Sukainah, C. M., & Melor, M. Y. (2014). Attitudes and Motivation Towards Learning English Among Felda School Students. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 8(5), 1-8.
- Yu. C. D. (2018). *Keberkesanan kaedah token ekonomi untuk meningkatkan pencapaian, motivasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah kebangsaan cina*. (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Zalizan M. J. (2009). *Pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas: Konsep dan amalan*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.